

19 Februari 2010

Masyarakat Islam Washington Dalam Usaha Menggalakkan Kesedaran Alam Sekitar

Kumpulan DC Green Muslims dan kumpulan tempatan lain bekerjasama untuk melindungi alam sekitar

Anggota DC Green Muslim sedang bergotong-royong memperindah sebuah taman di Washington.

Oleh M. Scott Bortot

Penulis Staf

Washington – Jumlah salji yang banyak turun di Washington telah mencetuskan perdebatan di kalangan pemerhati perubahan iklim global – sama ada mereka yang percaya ataupun tidak tentang perubahan iklim - mengenai sejauh mana kesan yang dilakukan oleh manusia terhadap alam sekitar.

Ketika pengkritik sibuk berdebat, masyarakat Islam di sekitar kawasan Washington menyampaikan mesej agar alam sekitar dijaga dengan baik kepada orang Islam dan bukan Islam dalam komuniti mereka.

Ternyata, satu hubungan yang kuat wujud antara Islam dan kewajipan melindungi bumi.

Persatuan DC Green Muslims ditubuhkan pada bulan Oktober 2007 apabila sekumpulan rakan berkumpul untuk berbuka puasa dengan makanan berasaskan sayuran dan mesra alam. Pada bulan-bulan berikutnya, kumpulan ini telah mengadakan banyak majlis makan mesra alam, dan berjaya menarik penyertaan hingga 150 orang. Hari ini, kumpulan itu mempunyai blog sendiri dan mereka aktif dalam kegiatan kesedaran alam sekitar di Washington.

Namun, apa itu muslim yang cintakan kehijauan?

"Seorang muslim yang cintakan kehijauan adalah seseorang yang sedar bahawa kepekaan tentang kesan yang manusia lakukan pada bumi bukan konsep asing dalam Islam, tetapi ia berakar umbi dalam Islam," Ryan Strom, pengelola persatuan DC Green Muslims, memberitahu Amerika.gov.

Menurut Strom, persatuan ini bergiat aktif bersama persatuan-persatuan lain di Washington untuk pemuliharaan alam sekitar. DC Green Muslim bersama dengan Washington Park and People bekerjasama untuk menghidupkan semula taman-taman terbiar. DC Muslims juga terlibat bersama Greater Washington Interfaith Power and Light (GW IPL) dalam banyak program alam sekitar.

"DC Green Muslim melibatkan diri dalam majlis makan malam GWIPL untuk merancang pembangunan bandar dan berinteraksi dengan kawasan kejiranan, tentang bagaimana kawasan kejiranan dan bandar-bandar dibina dan bagaimana mereka boleh mempengaruhi kebahagiaan," kata Strom.

Pada bulan Oktober 2009, DC Green Muslims menyertai minggu *No Impact*, yang diselenggarakan oleh blog berita online *The Huffington Post*. Ahli kumpulan membincangkan beberapa usaha mereka pada minggu itu di blog DC Green Muslims.

Untuk menggiatkan lagi kegiatan kemasyarakatan mereka, DC Green Muslim juga bercadang untuk bekerja dengan masjid-masjid di sekitar Washington untuk mendidik orang Islam tentang hubungan Islam dengan isu-isu alam sekitar.

"Kami berharap dapat mengadakan bengkel alam sekitar bagi imam-imam yang memberi khutbah di masjid," kata Strom. "Kami berusaha untuk mendampingi pemimpin masyarakat di masjid-masjid di dalam dan sekitar Washington, DC, agar membuat mereka dapat bercakap mengenai pemuliharaan alam sekitar dari perspektif Islam."

Beberapa anggota DC Green Muslims menjelaskan isu ini kepada America.gov.

Bagi orang Islam yang cintakan kehijauan, kesedaran alam sekitar daripada Quran dan hadis (sunnah Nabi Muhammad). Di antara konsep-konsep Al-Quran menyokong pemuliharaan alam sekitar adalah konsep khalifah, atau wakil Tuhan di muka bumi, dan amanah atau kepercayaan.

Orang Islam sedar tentang kepentingan memulihara alam sekitar melalui ayat-ayat Al-Quran yang mengatakan bahawa amanah itu telah ditawarkan kepada langit, bumi dan gunung-ganang. Namun, semua ini menolak untuk menerima beban itu dan ia diberikan kepada manusia.

Mereka menerangkan dalam situasi ini, manusia menjadi titik sokongan bagi Bumi. Jika manusia seimbang dan utuh, Bumi juga seimbang. Tetapi jika manusia tidak seimbang - dengan merosakkan alam sekitar dan tidak mempromosikan keadilan sosial - kehancuran akan tersebar di muka bumi.

Konsep yang menyokong kesedaran alam sekitar juga ditemui dalam sunnah nabi, kata orang Islam yang cintakan kehijauan. Nabi Muhammad menghabiskan sebahagian masa mudanya menghayati alam sekitar sebagai seorang gembala. Dan dalam satu hadis Baginda menunjukkan Bumi boleh berfungsi sebagai masjid dan jalan untuk penyucian.

Mereka percaya bahawa jika bumi boleh berfungsi sebagai masjid, ini adalah hujah yang kuat menentang pencemaran tanah dan air di muka bumi- yang digunakan oleh orang-orang Islam untuk berwudhu.

Keinginan untuk melindungi dan memulihara alam sekitar bukanlah satu perkara baru di kalangan masyarakat Islam di Amerika.

Pada akhir tahun 1960-an, Sayyed Hossein Nasr, kini profesor pengajian Islam di Universiti George Washington, menulis buku berjudul *Man and Nature: The Spiritual Crisis of Modern Man*. Dalam karya beliau, Nasr menyusuri akibat daripada krisis alam sekitar dan menyeru kepada pengembalian kepada keseimbangan antara manusia dan alam.

Pada bulan September 2007, Ibrahim Ramey dari Persatuan Orang Islam Amerika (MAS) menyertai ribuan manusia berpuasa sempena memperingati situasi cemas iklim bagi menyedarkan masyarakat tentang krisis alam sekitar global. Dalam blog beliau yang berjudul Ibrahim Abdil-Mu'id Ramey - Suara Kewarasan, Ramey menggalakkan umat Islam untuk berpuasa beberapa hari sebelum bulan Ramadan.

"Saya percaya tindakan berpuasa ini perlu kerana sebagai Muslim, kita disuruh untuk berdoa bagi kesejahteraan semua umat manusia, dan jika kita mahu berdoa bagi umat manusia, puasa adalah doa kita yang paling kuat dan tulus," tulis Ramey, yang juga merupakan pengarah Kebebasan Yayasan Hak Asasi Manusia dan Jabatan Hak Sivil MAS di Washington. "Percayalah, saya katakan bumi itu sendiri dalam krisis. Krisis yang sebenar. Dan krisis ini mengancam keseimbangan alam yang menyokong seluruh kehidupan di planet ini."

Sama ada orang Islam Amerika di Washington mendoakan kesejahteraan bumi melalui doa dan puasa, menulis buku perintis tentang kesedaran alam sekitar atau memperindah taman tempatan, satu tali mengikat mereka semua.

"Pada asasnya, agama kita memberitahu bahawa Allah telah memberikan kita sumber alam yang banyak dan menjadi tugas kita untuk melindungi dan menjaganya," kata Strom.